



**PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA**  
Office of Director-General of Education Malaysia  
**ARAS 8, BLOK E8**  
Level 8, Block E8,  
**KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E**  
Government Complex Parcel E,  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
Federal Government Administrative Centre  
**62604 PUTRAJAYA**

Tel: 03-8884 6077  
Fax: 03-8889 4548  
Laman web: <http://www.moe.gov.my>.

KP(BPSH-SPDK) 201/005/01/Jld. 3 (26)  
18 Mac 2011

### Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

### **SURAT PEKELILING IKHTISAS BILANGAN 2 TAHUN 2011 PENUBUHAN PERSATUAN AGAMA BUKAN ISLAM DI SEKOLAH-SEKOLAH KERAJAAN DAN SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN**

Penubuhan persatuan di sekolah-sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan adalah tertakluk kepada **Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Sekolah) 1998**, Akta Pendidikan 1996. Peraturan 4, Penubuhan Persatuan Sekolah, memperuntukan bahawa

*Guru Besar atau Pengetua, setelah menerima permohonan secara bertulis, hendaklah menubuh persatuan sekolah daripada kategori berikut:*

- a) *mata pelajaran yang diajar di sekolah sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997;*
- b) *hobi dan rekreasi;*
- c) *sukan dan permainan;*
- d) *badan beruniform ; atau*
- e) *apa-apa persatuan lain yang diluluskan oleh Pendaftar.*

2. Berdasarkan Peraturan 4 tersebut, Persatuan Agama Bukan Islam tidak termasuk dalam mana-mana kategori (a), (b), (c), atau (d). Walau bagaimanapun, kategori (e) memberi kuasa kepada Pendaftar, iaitu Pengarah Pelajaran Negeri, untuk meluluskan apa-apa persatuan lain sebagai persatuan yang berdaftar di sekolah.

3. Kementerian Pelajaran Malaysia mengambil maklum akan terdapatnya banyak permohonan untuk menubuhkan persatuan agama bukan Islam di sekolah-sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Sehubungan itu, bagi melicinkan urusan penubuhan persatuan di sekolah, Kementerian Pelajaran Pelajaran telah bersetuju supaya kuasa meluluskan penubuhan persatuan agama bukan Islam diberikan kepada Pengetua dan Guru Besar sekolah.

4. Sehubungan itu, Pendaftar hendaklah mengeluarkan Surat Kelulusan (*blanket approval*) seperti di **Lampiran 2**, kepada Pengetua dan Guru Besar untuk menubuhkan Persatuan Agama Bukan Islam di sekolah-sekolah sekiranya terdapat permohonan. Walau bagaimanapun kelulusan tersebut hendaklah berdasarkan kepada berdasarkan syarat-syarat yang dinyatakan dalam **Garis Panduan Penubuhan Persatuan Agama Bukan Islam Di Sekolah (Lampiran 1)**, yang disertakan bersama-sama surat pekeliling ikhtisas ini.

5. Kelulusan penubuhan Persatuan Agama Bukan Islam tersebut hanya boleh dipertimbangkan sekiranya persatuan tersebut akan dianggotai oleh sekurang-kurangnya 15 orang murid di sesebuah sekolah.

6. Dengan ini, dimaklumkan juga bahawa Surat Pekeliling Ikhtisas Bil: 20/2000: Panduan Penubuhan Persatuan Agama Bukan Islam, Di Sekolah-sekolah bertarikh 16 Disember 2000 adalah dibatalkan.

7. Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk mengambil tindakan sewajarnya serta memaklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

  
**DATO' ABD. GHAFAR BIN MAHMUD**  
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

- 
- s.k. 1. YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Mohd Yassin  
Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran
2. Y.B Datuk Dr. Ir. Wee Ka Siong  
Timbalan Menteri Pelajaran

3. Y.B Datuk Dr. Mohd Puad Bin Zarkashi  
Timbalan Menteri Pelajaran
4. Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran
5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran
6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pelajaran Malaysia
7. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pelajaran Malaysia
8. Ketua Nazir Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti  
Kementerian Pelajaran Malaysia
9. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pelajaran Malaysia
10. Pegawai Perhubungan Awam  
Kementerian Pelajaran Malaysia



**Kementerian Pelajaran Malaysia**

**GARIS PANDUAN  
PENUBUHAN PERSATUAN  
AGAMA BUKAN ISLAM  
DI SEKOLAH-SEKOLAH  
KERAJAAN DAN SEKOLAH  
BANTUAN KERAJAAN**

## **SYARAT PENUBUHAN**

1. Guru Besar atau Pengetua diberi kuasa meluluskan penubuhan Persatuan Agama Bukan Islam di sekolah-sekolah dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:

- 1.1 Hanya satu Persatuan Agama Bukan Islam sahaja yang dibenarkan bagi setiap agama (seperti Buddha, Hindu, Kristian, Sikh, Taoism) iaitu persatuan agama yang diiktiraf di negara ini.
- 1.2 Permohonan bagi menubuhkan Persatuan Agama Bukan Islam boleh dibuat oleh ibu bapa murid kepada Pengetua atau Guru Besar sekolah.
- 1.3 Permohonan hendaklah disertakan dengan nama Guru Penasihat Persatuan Agama Bukan Islam di sekolah tersebut.
- 1.4 Permohonan tersebut hendaklah menyertakan senarai nama murid-murid sekolah tersebut yang akan menjadi ahli bagi Persatuan Bukan Agama Islam.
- 1.5 Permohonan perlu dilengkapi dengan perlumbagaan persatuan yang akan ditubuhkan, kurikulum, takwim dan badan induk naungan atau rujukan Persatuan Agama Bukan Islam berkaitan.
- 1.6 Guru Besar atau Pengetua hendaklah menjawab secara bertulis sebarang penerimaan atau penolakan permohonan sesebuah Persatuan Agama Bukan Islam.

2. Apabila diluluskan penubuhannya oleh Pengetua atau Guru Besar, Persatuan Agama Bukan Islam tersebut hendaklah mengambil kira perkara-perkara berikut:

- 2.1 Aktiviti-aktiviti persatuan hendaklah dirancang dan dilaksana dengan mengambil kira sensitiviti agama di negara ini.
- 2.2 Tidak boleh menjalankan sebarang usaha atau aktiviti yang bertujuan untuk mempengaruhi dan mengembangkan kepercayaan atau anutan kepada murid dari agama lain.
- 2.3 Keahlian sesuatu Persatuan Agama Bukan Islam hanya untuk murid yang menganuti agama itu sahaja dan tidak boleh diperluaskan kepada murid penganut agama lain.

**Contoh Format**  
**Surat Kelulusan Kepada Pengetua Dan Guru Besar**

Pengetua/Guru Besar  
Sekolah-sekolah  
Negeri....

Tuan/Puan,

**Kelulusan Kepada Pengetua Dan Guru Besar Untuk Menubuhkan Persatuan Agama Bukan Islam Di Sekolah-Sekolah**

Merujuk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil ... Pelaksanaan Penubuhan Persatuan Agama Bukan Islam di Sekolah, sukcita dimaklumkan bahawa dengan ini saya selaku Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru meluluskan Guru Besar atau Pengetua untuk menubuhkan Persatuan Agama Bukan Islam sekiranya terdapat permohonan sedemikian oleh pihak yang berkaitan.

2. Walau bagaimanapun kelulusan tuan/puan sebagai Pengetua atau Guru Besar adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam **Garis Panduan Penubuhan Persatuan Agama Bukan Islam di Sekolah** seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran 1**.

Sekian, untuk makluman dan tindakan pihak tuan/puan selanjutnya.

Terima kasih.

.....  
Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru